

Jenis Akhbar : BH Online

Tarikh : 18/12/2018

Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my

Tajuk : China, Iran tawar bekal bahan binaan menerusi koperasi

China, Iran tawar bekal bahan binaan menerusi koperasi



PRESIDEN ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah beramah mesra dengan peserta pada majlis perasmian Forum Pembiayaan Hartanah Koperasi dan Majlis Penyerahan Bantuan Pembangunan Perniagaan Pembekal Bahan Binaan Koperasi 2018 di Shah Alam, petang tadi. - Foto Roslin mat Tahir

SHAH ALAM: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menimbangkan tawaran daripada China dan Iran bagi menjalin kerjasama dalam pengimportan bekalan bahan binaan.

Langkah awal bagi memperkembangkan gerakan koperasi tempatan dalam sektor hartanah itu merangkumi bekalan seperti besi, keluli, simen dan peralatan berkaitan pembinaan.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata pihaknya menerima tawaran daripada kedua-dua negara itu ketika menghadiri Persidangan Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA) Asia Pasifik di Tehran, dua minggu lalu.

“China dan Iran menawarkan kerjasama menerusi organisasi utama koperasi masing-masing bagi membekalkan bahan binaan secara terus dengan harga berpatutan dan berkualiti kepada kita.

“Kita anggap ia cadangan yang baik kerana bukan sahaja tidak membabitkan urusan ‘orang tengah’, malah dapat menjimatkan kos pembelian dan pengimportan sedia ada.

“Namun, perkara ini masih dalam perbincangan lanjut terutama berkaitan faktor sekatan dihadapi Iran yang antaranya berkaitan perbankan untuk mengeksport bahan binaan. Setakat ini, kita tidak ada masalah dengan China untuk pengimportan itu,” katanya.

Jenis Akhbar : BH Online
Tarikh : 18/12/2018
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my
Tajuk : China, Iran tawar bekal bahan binaan menerusi koperasi

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Forum Pembiayaan Hartanah Koperasi dan Majlis Penyerahan Bantuan Pembangunan Perniagaan Pembekal Bahan Binaan Koperasi 2018 di sini, petang tadi.

Pada forum sehari itu, lima koperasi turut menerima bantuan masing-masing RM24,000 bagi mengusahakan perniagaan berkaitan pembekalan bahan binaan.

Abdul Fattah berkata, pihaknya menjangkakan kerjasama dengan kedua-dua negara itu dapat dilaksanakan bermula awal tahun depan jika perbincangan berjalan lancar.

Dalam pada itu, beliau berkata, rekod Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menunjukkan 19 koperasi tempatan dikenal pasti menyertai sektor bahan binaan berkenaan.

“Ia termasuk 10 koperasi dikendalikan oleh ANGKASA yang dilihat berpotensi baik dalam sektor bahan binaan di seluruh negara kecuali Sarawak dan Pulau Pinang.

“Kita akan mengenal pasti koperasi lain untuk turut menyertai senarai itu, sekali gus merencanakan sektor hartanah negara dan merealisasikan agenda pembangunan perniagaan koperasi melalui Dasar Koperasi Negara,” katanya.

Abdul Fattah berkata, setakat ini terdapat 300 koperasi terbabit dalam sektor hartanah dan pihaknya yakin mampu mencapai nilai perolehan berjumlah RM5 bilion bagi sektor itu pada 2020.